

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96**

**April 1996**

**RMK 457/4 - Pengurusan Kewangan Binaan**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Maklumat-maklumat berikut menunjukkan beberapa urusanniaga yang dijalankan oleh Syarikat ABC Material Supplies (M) Sdn. Bhd. dalam tahun kewangannya yang berakhir pada 31 Disember, 1995.

- (a) Jualan bernilai sejumlah RM400,000 telah dibuat dalam tahun 1995. Dari jumlah ini 80% adalah jualan kredit manakala bakinya adalah jualan tunai. Nilai inventori yang berkaitan dengan jualan ini ialah RM184,500.
- (b) Dua pelanggan membeli barangan bernilai RM15,000 melalui kemudahan Nota Pinjaman Jangka Pendek yang disediakan oleh firma.

Nilai belian oleh Firma A yang dibuat pada 1 Mach, 1995 ialah RM7,000 manakala belian oleh Firma B yang dibuat pada 1 Jun, 1995 ialah sebanyak RM8,000. Bayaran berserta faedah pada kadar 12% setahun perlu dibayar dalam tempoh 6 bulan dari tarikh belian. Firma A melunaskan pinjaman serta faedah yang dikenakan pada tarikh ianya matang.

- (c) Akaun pelanggan-pelanggan tertentu bernilai RM2,000 yang telah luput tempoh bayarannya pada tahun yang lalu telah dikenalpasti tidak akan dapat dikutip. Keseluruhan nilai akaun-akaun ini dicajkan sebagai Belanja Hutang Lapuk.
- (d) Bayaran imbuhan kepada pekerja bagi 5 hari kerja terakhir dalam bulan Disember 1994 bernilai RM13,500 dibayar pada 5 Januari, 1995.

...2/-

(RMK 457)

- (e) Baki terakhir dalam Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar pada 31 Disember, 1995 ialah masing-masing RM58,000 dan RM42,000. Nilai belian secara kredit bagi tahun berkenaan ialah RM212,000.

Sediakan catitan jurnal yang sewajarnya bagi setiap urusniaga dan tentukan baki akhir bagi Akaun Tunai pada akhir tahun 1995.

(25 markah)

2. (a) Apakah perkara yang diberi tumpuan utama dalam Analisis Modal Kerja? Huraikan.
- (b) Bagaimanakan hasil Analisis Modal Kerja dapat digunakan oleh pihak pengurusan firma untuk menilai kedudukan kewangan firma pada masa lepas, pada masa kini dan pada masa akan datang.

(25 markah)

3. Seorang Kontraktor bercadang menggantikan pembancuh simen yang dimilikinya dengan pembancuh simen baru yang mempunyai ciri-ciri yang lebih baik. Pembancuh lama telah dibeli beberapa tahun lalu dengan harga RM100,000 dan dijangka mempunyai nilai sisaan sebanyak RM10,000 pada tarikh penggantian. Kontraktor berkenaan mempunyai dua alternatif berikut:

ALTERNATIF A: Jualkan alat lama dengan harga RM11,000 dan beli alat baru pada harga RM150,000.

ALTERNATIF B: Bayar RM139,000 dan serahkan alat lama kepada penjual alat baru. Nilai pasaran alat lama ialah RM10,000 sahaja tetapi penjual sanggup menerimanya pada harga tukaran RM11,000.

Alat baru dijangka mempunyai hayat kegunaan selama 5 tahun dan mempunyai nilai sisaan sebanyak RM10,000. Kaedah Garis Lurus digunakan oleh firma untuk mengira susutnilai tahunan.

- (a) Sediakan catitan jurnal yang diperlukan bagi kedua-dua alternatif tersebut pada tarikh belian/tukaran.
- (b) Tentukan jumlah susutnilai tahunan yang akan dicatat sepanjang tempoh usia alat berkenaan bagi kedua-dua alternatif.
- (c) Pilihan manakah yang akan anda cadangkan kepada Kontraktor berkenaan. Nyatakan sebab-sebabnya?

(25 markah)

...3/-

(RMK 457)

4. (a) Adakah keuntungan cukai (tax advantage) dari penggunaan Kaedah Susutnilai yang Dipercepatkan (Accelerated Depreciation Methods) merupakan kebaikan sementara yang akhirnya akan menjadi keburukan apabila jumlah susutnilai yang dilaporkan oleh firma menjadi lebih kecil dari nilai yang didapati dari Kaedah Garis Lurus? Huraikan.
- (b) Sebuah alat tertentu telah dibeli pada 1 Januari, 1995 dengan harga RM150,000. Pihak Pengurusan firma menjangka alat berkenaan akan mempunyai hayat kegunaan selama 4 tahun dan boleh dijual pada harga RM30,000 pada akhir hayatnya nanti. Alat berkenaan dijangka berupaya untuk menghasilkan 1,500,000 unit pengeluaran sepanjang tempoh hayatnya. Jumlah keluaran bagi tahun 1995 dianggarkan sebanyak 750,000 unit, manakala keluaran bagi setiap tahun berikutnya ialah sebanyak 250,000.

Kirakan dan tunjukkan dalam bentuk jadual kadar susutnilai yang akan dicatitkan setiap tahun dari 1995 hingga 1998 dengan menggunakan:

- (i) Kaedah Baki Berkurangan (Double Declining Balance Method).
- (ii) Kaedah Unit Pengeluaran (Units Of Production Method).

(25 markah)

5. (a) Berikan **LIMA (5)** ukuran yang boleh digunakan untuk mengukur kedudukan kecairan sesebuah firma dan huraikan kepentingan setiap satu darinya.
- (b) Adakah peningkatan dalam Nisbah Cepat dan Nisbah Semasa semestinya menunjukkan kedudukan kecairan dan pencapaian kewangan firma secara umumnya telah bertambah baik? Bincangkan.

(25 markah)

6. (a) Bezakan antara "Sewapajak Operasi" dan "Sewapajak Kewangan?".
- (b) Bincangkan kebaikan dan keburukan kedua-dua bentuk sewapajak berkenaan kepada penyewa pajak dan pemberi pajak.

(25 markah)

-ooo00ooo-